

BRIEFING NOTE

YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

UNTUK MESYUARAT JK TUJUAN-TUJUAN AM

BIL 1/2020 PADA 13 FEBRUARI 2020

1. SYABAS DAN TAHNIAH DI ATAS PENCAPAIAN PRESTASI CEMERLANG 100% DI PERINGKAT NEGERI PERAK

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada warga kerja MPT di atas pencapaian yang diperolehi di peringkat negeri Perak pada tahun 2019 iaitu telah melaksanakan Majlis Bersama Jabatan (MBJ), melaksanakan MyPortfolio dengan jayanya, dan Pencapaian Cemerlang 100% bagi Penyelesaian Prestasi Aduan.

YBrs Puan Nor Sham binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak, telah menyampaikan sijil prestasi cemerlang (100%) bagi tahun 2019 kepada MPT pada Sesi Penyampaian Sijil bersempena Mesyuarat Pemantauan Isu-isu Pengurusan di bawah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 6 Februari lalu yang melibatkan 71 jabatan termasuk jabatan negeri, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan Badan Berkanun Negeri.

Semoga kecemerlangan diteruskan lagi pada tahun 2020.

2. TAIPING BERPOTENSI MENJADI DESTINASI PELANCONGAN SUKAN TERUNGGUL

Taiping berpotensi menjadi destinasi pelancongan sukan berdasarkan pencapaian tahun lepas dan semasa yang sering menjadi lokasi penganjuran pelbagai acara sukan di peringkat negeri dan antarabangsa serta status bandar ini sebagai Bandar Mesra Usia dan Bandar Warisan.

Industri pelancongan sukan akan memberi impak yang cukup besar kepada bandar ini dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi dan pembangunan sukan ke arah yang lebih mampan. Sebagai contoh, penganjuran sukan berprestij, PETRONAS Le Tour de Langkawi pada semalam menjadi salah satu hentian bagi acara ini yang kebanyakan pesertanya ialah dari luar negara. Ia sebagai pemangkin untuk Taiping menjadi destinasi pelancongan sukan sekali gus menjadi tumpuan sukan antarabangsa pada masa hadapan namun perancangan yang teratur dan konsisten perlu dilakukan untuk merealisasikan hasrat ini.

Oleh yang demikian, MPT akan mengadakan perbincangan dan pertukaran idea dengan pemain-pemain industri dalam usaha menambah baik inisiatif atau usaha ke arah pembangunan sukan yang lebih lestari dan cemerlang.

3. HARI BERTEMU PELANGGAN (HBP) DAN PROGRAM TURUN PADANG (TURPA) SETIAP HARI RABU MINGGU KEDUA DAN KEEMPAT

MPT menerima seramai 244 pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat nasihat dan maklumbalas aduan semasa Hari Bertemu Pelanggan (HBP) dianjurkan pada tahun lalu. Bagi tahun ini, HBP mendapat kerjasama dari Syarikat Konsesi Puncak Emas Infra Sdn Bhd (PEISB) bagi memudahkan orang awam dalam menyelesaikan aduan berkaitan penyelenggaraan jalan, longkang dan rumput yang sering dibangkitkan oleh pelanggan HBP.

Selesai HBP, Program Turun Padang (TURPA) akan diadakan bagi melihat dengan lebih dekat aduan yang dibangkitkan dalam HBP atau aduan-aduan yang dibangkitkan melalui saluran yang telah disediakan. TURPA diadakan bagi menyantuni, mendalami, dan menyelesaikan masalah penduduk di Kawasan masing-masing.

HBP diadakan pada pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Bilik Mesyuarat Dahlia dan TURPA pada pukul 11.30 hingga 1.00 tengahari setiap hari Rabu minggu kedua dan minggu keempat. Ketua-ketua Jabatan dan Ahli Majlis dipohon untuk mempromosikan program ini di kawasan perumahan masing-masing agar program ini dapat dijayakan.

4. LARANGAN POLISTRINA DAN PLASTIK SEKALI GUNA

Penggunaan polistrina, beg plastik, bekas plastik sekali guna, dan botol-botol plasti sekali guna kini dilarang sama sekali untuk dibawa masuk ke dalam bangunan Wisma Perbandaran Taiping. Arahan yang telah dikeluarkan pada 1 Disember 2019 yang lalu merupakan sebahagian dari usaha MPT untuk mendidik warga kerja MPT agar tidak bergantung kepada penggunaan plastik sekali guna yang banyak mendatangkan mudarat kepada alam sekitar serta kesejahteraan sejagat.

Warga Kerja MPT diberi masa selama 3 bulan bermula Disember 2019 untuk melakukan tindakan sewajarnya bagi menjayakan inisiatif ini sepenuhnya sebelum arahan ini dikuatkuasakan ke atas premis-premis di bawah kendalian MPT mulai bulan April.

Diucapkan syabas kepada staf-staf MPT yang mengamalkan Bring Your Own Container (BYOC) untuk membeli makanan bagi menjayakan inisiatif ini.